



JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (2) November 2023 (103-118)

Prosodi Semantik “Wanita” dalam Wacana Politik Malaysia: Satu Analisis Linguistik Korpus

Anis Nadiah Che Abdul Rahman & Intan Safinaz Zainudin
aniscar@ukm.edu.my, intansz@ukm.edu.my

*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Tarikh terima : 13 Oktober 2023
Received
Terima untuk diterbitkan : 11 November 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2023
Published online

Abstrak

Wacana yang memaparkan subjek wanita telah banyak dijalankan dalam pelbagai cabang linguistik. Isu berkenaan wanita banyak didebatkan merentasi pelbagai wacana termasuklah dalam kalangan ahli-ahli politik. Pelbagai persepsi turut dirakamkan berkenaan dengan wanita dari kaca mata pelbagai pihak. Melihat keterbatasan kajian berkenaan dengan wanita dari sudut pandangan ahli politik di Malaysia, kajian ini menyiasat berkenaan sikap ahli-ahli Parlimen di Malaysia terhadap isu wanita menerusi perdebatan mereka di dalam Parlimen Malaysia. Kajian ini menggunakan peralatan korpus untuk meneliti corak representasi perkataan “wanita” dalam Korpus Hansard Malaysia, satu korpus wacana Parlimen yang bersaiz 164 juta patah perkataan. Dengan menggunakan perisian WordSmith Tools 7.0, kajian ini memanipulasikan senarai kekerapan kata dan kolokasi dalam nama untuk melihat prosodi semantik perkataan “wanita” untuk mengkategorikan makna menerusi perdebatan para ahli Parlimen Malaysia. Analisis menunjukkan bahawa “wanita” mempunyai representasi yang positif secara keseluruhannya dalam perbincangan Parlimen Malaysia. Dapatan kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman berkenaan isu wanita tetapi mendalami dengan lebih lanjut bahasa penggunaan ahli Parlimen Malaysia berkenaan wanita.

Kata Kunci

Analisis korpus, analisis kolokasi, prosodi semantik, Korpus Hansard Malaysia, wacana politik

The Semantic Prosody of "Woman" in Malaysian Political Discourse: A Corpus Linguistic Analysis

Abstract

Discourses featuring the subject of women have been widely conducted in various branches of linguistics. Issues regarding women are widely debated across various discourses including among politicians. Various perceptions were also recorded regarding women from various perspectives. Seeing the limitations of research on women from the point of view of politicians in Malaysia, this study refers to the perception of members of Parliament in Malaysia through their debates in the Malaysian Parliament. This study uses corpus tools to examine the representation pattern of the word "woman" in the Malaysian Hansard Corpus, a corpus of 164 million words of Parliamentary discourse. By using the WordSmith Tools 7.0 software, this study manipulated the list of word frequency and collocation in names

to see the semantic prosody of the word "woman" to categorize the meaning through the debate of the members of the Malaysian Parliament. The analysis shows that "women" have a positive representation overall in the Malaysian Parliament debate. The findings of this study not only contribute to the understanding of women's issues but also delve further into the language used by members of the Malaysian Parliament regarding women.

Keywords

Corpus analysis, collocational analysis, semantic prosody, Malaysian Hansard Corpus, political discourse

1. Pengenalan

Wanita memainkan peranan dinamik dalam masyarakat. Menerusi lensa sejarah, wanita telah memberikan pelbagai sumbangan kepada masyarakat. Pelbagai bentuk sumbangan wanita dalam masyarakat tersebut telah menjamin kestabilan, kemajuan dan pembangunan jangka panjang bagi sesebuah negara (Pertubuhan Bangsa Bersatu, 2020). Merentasi masa, peranan wanita telah beralih daripada domain domestik kepada pelbagai bidang lain termasuk dalam tenaga kerja dan politik. Walau bagaimanapun, penglibatan wanita dalam bidang politik masih dianggap rendah di mana wanita hanya terdiri daripada 25.5 peratus daripada semua ahli parlimen negara di seluruh dunia (Bangsa Bersatu 2021). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Dhatt, Theobald, Buzuzi, et al. (2017), peningkatan jumlah perwakilan wanita dalam politik dan kepimpinan telah membawa kepada hasil kesihatan yang lebih seimbang terutamanya untuk wanita dan kanak-kanak. Secara substansialnya, perubahan dalam peranan ini dapat disumbangkan oleh pergerakan sosial yang mencakupi pelbagai aspek termasuklah akses kepada pendidikan dan peluang dalam bidang perundangan. Secara keseluruhannya, penglibatan wanita dalam politik dapat membantu mereka menentang isu berkenaan dengan wanita.

Semenjak dahulu lagi, isu-isu mengenai wanita telah menjadi satu titik tumpuan oleh pelbagai pihak. Hal ini adalah disebabkan oleh ketidaksamaan jantina sejagat terutamanya dari segi dominasi kuasa, penguasaan dan sumber. Selain itu, wanita turut menerima kesan daripada wabak epidemik dan peristiwa alam sekitar global. Oleh itu, pemerksaan wanita turut menjadi salah satu daripada syarat penting dalam menghadapi cabaran global terutamanya bagi mengurangkan kemiskinan, merangsang masyarakat dan pembangunan yang mampan, dan membina tadbir urus yang berkesan. Masalah global semasa termasuklah pandemik COVID-19 telah mendedahkan wanita dengan ketara kepada ketidaksamaan struktur merentas setiap domain daripada kesihatan, ekonomi, keselamatan dan perlindungan sosial (Badri, 2020). Memandangkan wanita global masih bergelut untuk hak dan kelangsungan hidup mereka terutamanya dalam suasana patriarki dan sistem ekonomi, terdapat banyak usaha yang diambil ke arah membolehkan wanita mendapat akses kepada peluang, hak dan sumber yang sama rata. Tambahan dari itu, pelbagai isu berkenaan wanita turut diambail perhatian oleh pelbagai pihak.

Selain daripada tumpuan berkenaan perbincangan isu wanita yang rendah, wanita juga tidak dapat lari daripada stereotaip kaum. Stereotaip terhadap wanita juga masih wujud dan ramai wanita masih terkurung dalam stereotaip yang ditetapkan oleh masyarakat dan serta media masa. Wanita dalam media sering digambarkan dalam peranan stereotaip, seperti suri rumah, penjaga, atau gadis dalam kesusahan, manakala lelaki sering digambarkan sebagai kuat, dominan, dan mempunyai kedudukan atau berkuasa. Ini mengekalkan norma tradisional terhadap jantina dan mengehadkan perwakilan wanita dalam pelbagai peranan dan pekerjaan. Satu kajian Oleh Fasoli, Durante dan Mari (2018) menunjukkan bahawa wanita kerap digambarkan sebagai objek seks berbanding lelaki. Kajian lain juga menggambarkan wanita sebagai tidak berdaya, rapuh, dan memerlukan perlindungan daripada lelaki. Ia sering mengukuhkan idea bahawa wanita tidak mampu menyelesaikan masalah atau menjaga diri mereka sendiri. Hal sebegini menyebabkan wanita terkesan oleh pelbagai ketidaksamarataan.

Prosodi semantik merujuk kepada perkaitan positif, negatif atau neutral keseluruhan yang mungkin disampaikan oleh perkataan atau frasa tertentu. Dengan menyiasat prosodi semantik bahasa dalam wacana

politik berkenaan wanita, pendedahan terhadap bias atau berat sebelah yang tersembunyi, stereotaip atau perwakilan jantina yang tertanam dalam bahasa yang digunakan oleh aktor politik, media dan tokoh masyarakat dapat dilihat. Analisis ini memberikan pandangan tentang cara pilihan bahasa membentuk pendapat umum, mempengaruhi hasil politik.

Kajian terdahulu telah meneroka pelbagai dimensi perwakilan wanita dalam wacana politik. Kajian telah mengkaji penggunaan bahasa jantina, seperti kata ganti nama atau gelaran jantina, serta pbingkaian isu wanita dan gambaran ahli politik wanita dalam media. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan untuk pemahaman yang lebih bernuansa prosodi semantik yang dikaitkan dengan wanita dalam wacana politik. Penyiasatan prosodi semantik dalam wacana politik mengenai wanita boleh menjelaskan beberapa aspek penting. Pertama, ia boleh mendedahkan persatuan positif atau negatif yang dikaitkan dengan wanita dalam konteks politik, mengenal pasti kecenderungan atau stereotaip yang berpotensi yang boleh menjejaskan persepsi dan layanan mereka. Kedua, ia boleh mendedahkan strategi retorik yang digunakan oleh aktor politik dan organisasi media untuk membentuk pendapat umum dan mempengaruhi hasil politik. Ketiga, ia boleh memberikan pandangan tentang cara prosodi semantik berinteraksi dengan faktor lain seperti polarisasi politik, pbingkaian media dan sikap masyarakat terhadap peranan jantina.

1.1 Permasalahan Kajian

Wanita secara umumnya menghadapi pelbagai bentuk krisis dan terdedah dengan ketidasmaramaan. Di sebalik masalah yang mereka hadapi ini, wanita juga terkurung dalam wacana yang dibina oleh suara yang kuat termasuk media dan ahli politik yang membentuk imej terhadap wanita itu sendiri. Plan International Canada (2023) menjalankan tinjauan ke atas wanita Kanada dan hasilnya menunjukkan bahawa tujuh daripada sepuluh wanita Kanada bersetuju bahawa mereka telah menghadapi ketidaksamaan dari segi diskriminasi dan stereotaip dalam kehidupan mereka.

Di Malaysia, senario yang sama turut berlaku. Kajian yang dijalankan oleh Abdullah, Noor, Wok (2008) menunjukkan bahawa peranan wanita di Malaysia lebih menjurus kepada perkara yang berkisarkan tentang keluarga berbanding aspek pemenuhan diri. Selain itu, kajian tersebut juga menunjukkan bahawa wanita Melayu masih terperangkap dalam stereotaip yang terpisah di antara kemodenan dan juga budaya tradisional. Walaupun kajian tersebut telah dijalankan beberapa tahun lepas, namun dapatan kajian tersebut masih relevan sehingga kini. Pernyataan ini diperkukuhkan lagi dengan laporan yang diterbitkan oleh Conceição (2019) mengenai kesaksamaan gender antarabangsa di mana Malaysia berada pada kedudukan rendah iaitu di kedudukan ke 104 berbanding 153 negara di dalam Global Gap Index 2020 yang merangkumi penyertaan dan peluang ekonomi, pencapaian pendidikan, kesihatan dan kelangsungan hidup, dan pemeraksanaan politik (Schwab, Crotti, Geiger, Ratcheva & Vesselina, 2020). Tambahan itu, kajian oleh Kok (2020) mendedahkan tiga isu utama yang dihadapi oleh wanita di Malaysia iaitu gangguan seksual, keganasan seksual dan seksualisasi wanita di media. Kajian ini juga mendedahkan salah persepsi terhadap pemeraksanaan wanita di Malaysia.

Dalam bidang politik Malaysia, perwakilan wanita di parlimen masih agak rendah. Pilihan raya umum ke-14 Malaysia (PRU14) menyaksikan bilangan wanita yang luar biasa sebagai calon tetapi hanya 11% daripada mereka sahaja yang telah dipilih sebagai wakil rakyat. Melihat kepada senario tempatan, sfera politik untuk wanita di Malaysia masih terhalang kerana blok sosiobudaya dan patriarki dalam institusi politik. Berdasarkan proporsi perwakilan wanita semasa di parlimen, wanita mampu membina identiti dan wacana mereka sendiri yang berkisar kepada diri mereka sendiri. Identiti dan wacana sebegini lazimnya dibina oleh jurucakap yang lebih berkuasa iaitu Ahli Parlimen. Menurut Baker, Gabrielatos, Khosravini, Krzyzanowski, McEnery dan Wodak (2008), kumpulan minoriti tidak berupaya untuk membina identiti dan wacana mereka sendiri justeru mereka bergantung kepada medium yang lebih berkuasa dan orang untuk membentuk konsep atau idea tentang mereka. Menurut kajian oleh Ummi Nur Asyiqeen dan Kesumawati (2017), kerajaan, merupakan satu entiti yang berkuasa dalam membentuk wacana tersirat bagi sesuatu

topik. Justeru, medium seperti parlimen yang digunakan oleh kerajaan dan parti pembangkang memainkan peranan yang penting dalam membincangkan isu-isu teras berkaitan negara, umumnya Malaysia.

Selaras dengan kepentingan kajian berkenaan wanita, beberapa kajian linguistik juga telah dijalankan untuk melihat perkaitan perkataan “wanita” dan bagaimana ia direpresentasikan merentas wacana. Pelbagai kajian lalu yang dilaksanakan berkenaan wanita oleh pelbagai sarjana termasuk Pearce (2008), Ndambuki dan Janks (2010), Dabbagh, (2016) dan Jia, Lansdall-Welfare, Sudhahar, Carter dan Cristianini (2016) mencadangkan bahawa wanita digambarkan secara negatif merentas pelbagai wacana. Tambahan dari itu, penyelidikan mengenai wanita juga kebanyakannya terhad kepada penggambaran wanita di dalam media dan berita. Di sebalik masalah yang mereka hadapi, wanita turut terkurung dalam wacana yang dibina oleh “suara” yang berkuasa termasuklah ahli politik.

Penyiasatan terhadap gambaran wanita dalam wacana politik adalah bidang penyelidikan akademik yang penting dan semasa. Walaupun banyak kemajuan telah dicapai di pelbagai negara berkaitan kesaksamaan jantina, wanita masih menghadapi halangan dalam mencapai perwakilan politik yang saksama dan penglibatan yang bermakna dalam prosedur membuat keputusan. Bidang yang memerlukan pemeriksaan tambahan ialah penggunaan bahasa dan kemungkinan kesannya dalam mengekalkan bias atau stereotaip gender dalam bidang komunikasi politik. Memprofilkan isu berkaitan wanita dalam perbahasan parlimen adalah penting kerana pemprofilan ini dapat menunjukkan isu perwakilan, ketaksamaan jantina, penggubalan dasar, kesedaran dan penglibatan awam serta akauntabiliti dan pemantauan serta pemerkasaan bagi isu wanita. Memprofilkan isu wanita dalam perbahasan parlimen memberi penerangan tentang ketidaksamaan dan diskriminasi berasaskan jantina yang berterusan dalam masyarakat. Ia membantu mengenal pasti jurang perundangan dan kawasan di mana undang-undang dan dasar perlu diperkukuh untuk menangani ketidaksamaan ini. Memprofilkan isu wanita dalam perbahasan parlimen membantu menangani ketidaksamaan jantina, menggalakkan perwakilan sama rata, memaklumkan penggubalan dasar, meningkatkan kesedaran awam, meningkatkan akauntabiliti, dan memperkasakan wanita. Ia merupakan langkah penting ke arah mencapai kesaksamaan jantina dan mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif dan saksama.

1.2 Objektif Kajian

Dengan menjalankan analisis komprehensif prosodi semantik yang mengelilingi perkataan “wanita” dalam wacana politik, penyelidikan ini bertujuan untuk menyumbang kepada kosa ilmu yang sedia ada mengenai jantina dan politik. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji dan menilai prosodi semantik bahasa yang digunakan dalam ucapan politik yang berkaitan dengan wanita. Melalui analisis konotasi positif, negatif atau neutral yang lazim disampaikan oleh perkataan dan frasa yang digunakan dalam perbincangan yang berkaitan dengan wanita dalam domain politik, objektif kajian ini adalah untuk mendedahkan sebarang bias atau stereotaip berasaskan jantina terpendam yang mungkin tertanam dalam bahasa yang digunakan oleh ahli politik di ruang awam. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk memetakan pola kolokasi prosodi semantik bagi kolokasi perkataan “wanita” dalam Korpus Hansard Malaysia.

2.0 Kosa Ilmu

Bahagian ini menyoroti kajian berkaitan yang memberi tumpuan kepada kajian mengenai korpus diakronik, data parlimen, perwakilan wanita merentas wacana, serta prosodi semantik untuk merangka pengkategorian isu wanita dan sikap ahli politik terhadap isu wanita dalam parlimen Malaysia.

2.1 Parlimen Malaysia dan Kajian berkenaan Hansard Malaysia

Sepanjang 60 tahun prosidingnya, parlimen Malaysia telah menyaksikan lebih 3,500 perbahasan parlimen di Dewan Rakyat (juga dikenali sebagai Dewan Rakyat). Menurut laman web Portal Rasmi Parlimen Malaysia, Dewan Rakyat ialah dewan rendah Parlimen Malaysia, badan perundangan tertinggi di Malaysia.

Parlimen Malaysia juga terdiri daripada dewan tinggi atau Dewan Negara (Dewan Negara) dan Ketua Tertinggi atau Raja. Peranan umum Dewan Rakyat adalah untuk mencadangkan perundangan. Ini dilakukan melalui draf yang dipanggil "bil." Rang undang-undang itu perlu diterima oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara sebelum dihantar kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapat perkenan diraja. Ahli Dewan Rakyat dikenali sebagai Ahli Parlimen (selepas ini, Ahli Parlimen) atau Ahli Dewan Rakyat. Ahli Parlimen sebelum ini dipilih daripada kawasan pilihan raya persekutuan semasa pilihan raya.

2.2 Kajian Representasi Wanita

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan mengenai perwakilan wanita, yang mengkaji banyak aspek yang berkisar tentang wanita dan dari perspektif yang berbeza. Pelbagai kajian lepas tertumpu kepada representasi wanita di dalam media. Walau bagaimanapun, sedikit pertimbangan telah diambil untuk mengkaji representasi isu-isu yang dibincangkan dalam konteks parlimen yang berkisar tentang wanita berbanding dengan bilangan perwakilan ahli parlimen wanita di parlimen. Pada masa ini, perwakilan wanita dalam bidang politik juga telah turut berkembang.

Penyelidikan yang telah mengkaji representasi wanita dalam pelbagai wacana secara umumnya telah menemui bukti untuk gambaran negatif. Ponterotto (2014) misalnya, menjalankan kajian tentang perwakilan atlet wanita dalam media dengan menggunakan pendekatan berbantuan korpus. Kajian itu dijalankan untuk meliputi bahagian berita sukan dalam akhbar utama Britain dan Itali: *The Times* (dalam bahasa Inggeris) dan *La Repubblica* (dalam bahasa Itali) terhadap pemain tenis Maria Sharapova. Melalui strategi tematik, Sharapova digambarkan sebagai "wanita paling seksi di dunia" manakala melalui strategi metafora, dia digambarkan sebagai "lolongan berdarah." Kajian itu menyimpulkan bahawa perwakilan jenis ini didorong oleh stereotaip jantina dan berat sebelah terhadap wanita.

Dalam kajian wacana, Ndambuki dan Janks, (2010) menyiasat perwakilan isu wanita di Daerah Makueni di kawasan pinggir bandar Kenya dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis. Perwakilan di sini bermaksud perwakilan politik dan perwakilan diskursif. Kajian mendapati bahawa wanita tidak mempunyai kapasiti yang besar untuk menyampaikan atau memberi pendapat tentang isu-isu tertentu. Wanita juga digambarkan sebagai masyarakat yang tersiksa dan memerlukan bimbingan daripada lelaki. Kajian itu juga mendedahkan bahawa wanita diwakili di bawah wacana patriarki, miskin, dan ketinggalan zaman.

Dabbagh (2016) mengkaji tentang status wanita di Maghribi dengan menganalisis wacana perwakilan wanita di dua televisyen pusat Arab (TV). Melalui perspektif pemuliharaan, wanita dikaitkan dengan domestik dan peranan tradisional manakala melalui perspektif alternatif progresif, wanita dikaitkan dengan kemodenan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jia, Lansdall-Welfare, Sudhahar, Carter and Cristianini (2016) mengkaji perwakilan jantina dalam berita media Inggeris dalam talian dengan menganalisis perkataan dan imej untuk memberikan imej yang lebih jelas tentang bagaimana jantina diwakili dalam talian. Wanita lebih kerap berlaku dalam imej berbanding teks untuk semua topik. "Wanita" berkemungkinan menjadi subjek tatabahasa bagi kata kerja (Pearce, 2008).

Kajian terdahulu oleh Ponterotto (2014) mendedahkan "kurang perwakilan kronik" wanita di kalangan profesional wanita Islam Pakistan British di mana wanita menghadapi "halangan kaca" dalam kemajuan kerjaya. Menurut Norloc (2014) dalam "An Invitation to Feminist Ethics," naratif induk biasanya diterima sebagai naratif jika ia dibina oleh identiti pusat budaya. Menguasai naratif yang membina imej wanita seperti "dara" dan "pelacur" dan menggambarkan identiti wanita sebagai kekurangan identiti. Akibatnya, wanita terdedah kepada kesukaran untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat dan mempunyai peluang yang lebih sedikit untuk menuntut hak mereka dan melibatkan diri dalam pelbagai bidang.

2.3 Korpus Linguistik, Kolokasi dan Prosodi Semantik

Kolokasi ialah istilah awal yang digunakan oleh Haas dan Firth. (1958) untuk menerangkan perkataan yang kerap muncul bersama dengan perkataan-perkataan tertentu. Menurut Cotteril (2001), kolokasi boleh mendedahkan bentuk semantik sesuatu perkataan atau frasa. Prosodi semantik, sebaliknya, adalah sebahagian daripada ciri kolokasi yang boleh memberikan tumpuan khusus untuk artikel ini. Partington (2008) menerangkan prosodi semantik sebagai satu penyebaran pewarnaan konotasi yang melangkaui sempadan bagi sesuatu perkataan. Dengan kata lain, prosodi semantik boleh digambarkan sebagai pencirian konotasi terhadap satu perkataan. Selain itu, Louw dan Chateau (2000) menyatakan bahawa prosodi semantik mempunyai ciri-ciri penting untuk menyampaikan maksud penutur terhadap sesuatu isu. Menurut Morley dan Partington (2009) prosodi semantik adalah aspek utama bagi simpulan bahasa atau prinsip frasaologi bagi penghasilan dan tafsiran sesebuah bahasa yang dapat memberikan bukti yang cukup besar.

Dalam menentukan prosodi semantik bagi sesuatu perkataan pula, peralatan korpus dianggap berguna. Korpus membolehkan penyelidik untuk menjelaskan tingkah laku teks dalam penyiasatan berskala besar. Cotteril (2001) menggunakan prosodi semantik untuk mengenal pasti perwakilan perkataan dan frasa yang digunakan untuk menceritakan keganasan rumah tangga di perbicaraan jenayah. Pengumpulan perkataan dan frasa seperti pertemuan, untuk mengawal dan kitaran digunakan.

3.0 Metodologi

3.1 Korpus Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dan kualitatif dengan menggabungkan metodologi yang dikaitkan dengan budaya, linguistik korpus dan prosodi semantik. Dengan menggunakan kaedah siasatan kuantitatif dan kualitatif, kajian ini cuba menyerlahkan trend wanita dari semasa ke semasa. Menurut Baker (2006), analisis berpandukan korpus konvensional adalah tidak mencukupi untuk menjelaskan atau menafsirkan punca corak linguistik tertentu kerana ia tidak mengambil kira konteks politik, sejarah dan budaya data. Oleh itu, kajian ini menggunakan analisis berpandukan korpus tentang representasi perkataan wanita (wanita) dalam Korpus Hansard Malaysia (Imran, Anis Nadiah & Azhar, 2021), satu korpus berdasarkan perbahasan parlimen Malaysia dalam tempoh 61 tahun dari 1959 hingga 2020. Data tersebut mengumpulkan rekod parlimen Malaysia, atau Malaysian Hansard, untuk tempoh 1959-2020 (Parlimen 1 – Parlimen 14). Korpus mentah berjumlah 165 juta perkataan dalam 3,684 teks (diambil dari satu hari prosiding), mewakili output daripada hampir 2329 pendebat sepanjang 60 tahun prosiding parlimen di Malaysia. Agihan parlimen mengikut tarikh (tahun) boleh digambarkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Taburan Tahun Korpus Hansard Malaysia mengikut Parlimen

Parlimen	Tahun
1	1959 – 1964
2	1964 - 1969
3	1971 – 1973
4	1974 - 1978
5	1978 - 1981
6	1982 - 1986
7	1986 -1990
8	1990 - 1994
9	1995 -1999
10	1999 - 2003
11	2004 - 2007
12	2008 – 2012
13	2013 – 2018
14	2019 – 2020

3.2 Peralatan Kajian

3.2.1 WordSmith Tool 7.0

Kajian ini memanipulasikan penggunaan *WordSmith Tools* 7.0 (Scott, 2016) untuk menjana senarai kekerapan kata, kolokasi dan konkordans. *WordSmith Tools* (WST) merupakan satu perisian untuk mengetahui pola perkataan dan telah mula diterbitkan oleh Lexical Analysis Software dan Oxford University Press sejak tahun 1996 lagi (Lexical Analysis Software, 2020). Perisian ini telah dibina oleh Mike Scott. Peralatan analisis korpus ini melibatkan tiga peralatan analisis teks iaitu peralatan untuk menjana konkordans secara monolingual (*Concord*), pengeskrak senarai kekerapan kata (*WordList* dan juga *KeyWords*). Perisian ini tersedia untuk dimuat turun dari laman sesawang www.lexically.net mengikut versi yang diinginkan. Setakat ini, WST mempunyai versi hingga ke versi 8.0.

3.3 Prosidur Kajian

Kajian dimulakan dengan pra-pemprosesan untuk mengekstrak statistik asas korpus termasuk saiz dan senarai perkataan. Berdasarkan statistik asas korpus, satu aliran budaya telah dibangunkan. Bahagian pemprosesan data termasuk anotasi kolokasi dilakukan dengan pemilihan kata nama berkolokasi. Di samping itu, analisis konkordans dilakukan untuk mengesahkan konteks prosodi semantik di mana pemeriksaan lebih dekat telah dilakukan kepada KWIC untuk menyiasat prosodi semantik perkataan “wanita” dalam MHC.


Kolokasi yang diperoleh daripada analisis Part of Speech (POS) atau kumpulan kelas kata dikategorikan kepada kategori leksikal yang merangkumi kata nama. Pengkategorian berdasarkan SitiZubaidah dan Hajar (2016) yang mengumpulkan kolokasi yang mempunyai kandungan semantik ke dalam kategori leksikal. Setelah menentukan kelas perkataan, 50 kata nama teratas telah dipilih. Memandangkan kolokasi kata nama muncul dengan kekerapan yang paling tinggi dan signifikan, ianya telah dipilih untuk analisis kajian ini. Kata nama yang berkolokasi dengan perkataan “wanita” kemudiannya dinilai dan dikumpulkan kepada prosodi positif dan negatif berdasarkan konteks. Menurut Louw (2000, hlmn. 58), tujuan prosodi semantik adalah untuk menunjukkan sikap dan penilaian seseorang penutur atau penulis. Xiao dan McEnery (2006: 107) menambah lagi bahawa perkataan yang lazimnya berkolokasi dengan makna yang menyenangkan boleh membawa nilai positif walaupun ia digunakan dengan kolokasi yang luar biasa. Sebagai contoh, Stubbs (1996) menyatakan bahawa perkataan “menyediakan” membawa prosodi positif kerana ia digabungkan dengan perkataan seperti “bantuan,” “peluang,” dan “pelepasan.” Untuk mengenal pasti prosodi, konteks setiap kolokasi dinilai berdasarkan prosodi positif, negatif dan neutral (Xiao dan McEnery, 2006). Setiap kolokasi kemudiannya dikumpulkan mengikut jenis atau nilai prosodinya.

Analisis kuantitatif KWIC juga akan dibentangkan. Hasil analisis KWIC juga dimanipulasi untuk berhujah dan menggambarkan konteks dan gambaran isu wanita melalui kaca mata ahli politik Malaysia dalam suasana parlimen Malaysia sepanjang 61 tahun. Perbezaan untuk mengkategorikan prosodi bergantung pada Cotteril (2001). Untuk menentukan prosodi, tiga pakar bahasa telah digunakan sebagai penilai antara. Pemeriksaan prosodi dilakukan kepada 50 keputusan konkordans terawal bagi perkataan wanita berdasarkan tiga kategori prosodi tersendiri. Pengkategorian boleh digambarkan dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2. Pengkategorian prosodi semantik yang tersendiri

Jenis Prosodi	Perbezaan Kontekstual
Neutral	Item leksikal yang berkolokasi dengan konteks neutral. Contoh: “lelaki”, “negara”, “pekerjaan”
Positif	Item leksikal yang berkolokasi dengan konteks positif. Contoh: “kemajuan” “kebaikan”, “kebajikan”
Negatif	Item leksikal yang berkolokasi dengan konteks negatif. Contoh: “diskriminasi,” “keganasan,” “minoriti”, “pembunuhan”

Secara keseluruhannya, prosidur analisis kajian bagi kajian ini dapat dilihat dengan lebih jelas menerusi gambar rajah X berikut;



Rajah 1 Prosidur Analisis Kajian

4.0 Hasil Kajian

4.1 Prosodi Semantik : Parlimen 1

Kolokasi kata nama bagi perkataan “wanita” secara keseluruhannya telah dipersetujui untuk mempunyai prosodi neutral,(Jadual3). Walau bagaimanapun, terdapat satu prosodi yang bersifat positif iaitu perkataan “kemajuan”.

Jadual 3 Prosodi Semantik Parlimen 1

N	Perkataan	Skor MI	Kekerapan	Prosodi
3	laki2	4.58	21	neutral
17	indonesia	3.94	16	neutral
22	dewan	5.39	30	neutral
27	tanah	6.58	45	neutral
45	tempat	3.22	11	neutral
57	negeri	5.83	37	neutral
6	gaji	4.56	21	neutral
18	kemajuan	3.41	12	positif
2	kaum	9.53	91	neutral

Perkataan “kemajuan” jelas membawa maksud yang positif iaitu berkenaan aspek yang bergerak maju atau melangkah ke hadapan. mempunyai prosodi semantik positif apabila berkolokasi dengan perkataan

“wanita. Perkataan-perkataan tersebut adalah “ketua,” “suntikan,” “perlindungan,” “pemulihan,” “kepentingan” dan “peluang.” Jadual 4 menunjukkan Prosodi Semantik Parlimen 7.

Jadual 4 Prosodi Semantik Parlimen 7

n	perkataan	kategori	mi	kekerapan	prosodi
91	ketua	pemerintahan	4.61	12	positif
134	suntikan	kesihatan	10.12	12	positif
128	perlindungan	penyelesaian masalah/ pemulihan	8.87	65	positif
112	pemulihan	penyelesaian masalah/ pemulihan	6.07	10	positif
89	kepentingan	penyelesaian masalah/ pemulihan	4.59	10	positif
81	peluang	penyelesaian masalah/ pemulihan	4.39	11	positif

Berbanding parlimen-parlimen lain, dapat dilihat bahawa Parlimen 14 mempunyai prosodi semantik positif yang lebih kuat dengan kewujudan perkataan-perkataan seperti “inisiatif,” “kebajikan,” “kesejahteraan,” keselamatan,” “perlindungan,” “sokongan,” “pemeriksaan” dan “tindakan.” berdasarkan perkataan-perkataan tersebut, dapat dilihat bahawa Ahli Parlimen membincangkan tentang tindakan dalam memperkasakan wanita di Malaysia. Hal ini selarasa dengan peningkatan jumlah perwakilan wanita di dalam Parlimen Malaysia ke 14. Ianya dikukuhkan lagi dengan kewujudan Timbalan Menteri Malaysia dalam kalangan wanita yang pertama merangkap Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadual 5 Prosodi Semantik bagi Parlimen 14

N	Perkataan	MI	Total	Kategori	Prosodi semantik
295	pemimpin	4.32	10	etnik/ entiti nasional	Positif
275	gaji	4.15	11	hal awam	Positif
158	peluang	3.75	21	hal awam	Positif
82	penglibatan	7.80	41	hal awam	Positif
101	penyertaan	7.92	33	hal awam	Positif
195	sumbangan	5.76	16	hal awam	Positif
211	kemahiran	5.19	15	hal awam	Positif
183	bantuan	3.37	17	hal awam	Positif
235	inisiatif	3.92	13	hal awam	Positif
133	kebajikan	5.68	25	hal awam	Positif
315	kepentingan	4.14	10	hal awam	Positif
233	kesejahteraan	5.52	14	hal awam	Positif
178	keselamatan	4.10	18	hal awam	Positif
3	pembangunan	7.76	768	hal awam	Positif
181	perlindungan	5.64	17	hal awam	Positif
225	sokongan	5.14	14	hal awam	Positif
116	usaha	3.88	29	hal awam	Positif

269	kesedaran	5.56	11	hal awam	Positif
276	inspirasi	9.36	11	hal awam	Positif
151	pemeriksaan	7.90	22	hal awam	Positif
147	tindakan	3.65	22	hal awam	Positif
209	diskriminasi	7.57	15	konflik	negatif
282	jenayah	4.80	11	konflik	negatif
123	keganasan	7.97	27	konflik	negatif
139	mangsa	6.41	24	konflik	negatif

Konteks penggunaan setiap kolokasi tersebut dapat dilihat di dalam Jadual 5 Menurut Jadual 5, perkataan “wanita” + “pemimpin” mempunyai dua kata kunci utama iaitu wanita sebagai pemimpin serta isu kekurangan pemimpin wanita. Kata kunci pertama menunjukkan prosodi semantik yang positif kerana wanita digambarkan sebagai pemimpin dengan kebolehan mereka mentadbir negara. Walau bagaimanapun, pemerhatian ke atas kata kunci kedua menunjukkan prosodi semantik negatif kerana Ahli Parlimen membincangkan tentang masalah kekurangan kerusi bagi wanita di Parlimen dan hal ini telah mengekang penglibatan wanita di dalam arena politik dengan lebih banyak. Namun, kata kunci kedua hanya mempunyai 3 kekerapan berbanding 7 kekerapan bagi prosodi semantik positif. Oleh itu, secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa perhubungan di antara wanita” + “pemimpin” menunjukkan prosodi semantik bersifat positif.

Analisis berasaskan korpus kajian ini berkenaan tentang istilah “wanita” dalam MHC bersesuaian dalam mendedahkan pelbagai wacana berkenaan wanita iaitu wanita sebagai mangsa, dan wanita sebagai aktor semasa yang menerima percubaan untuk membantu ke arah penyelesaian masalah. Pemeriksaan lanjut terhadap baris konkordans mendedahkan dua prosodi wacana yang jelas yang mengelilingi perkataan wanita. Yang pertama ialah perkataan “diskriminasi”

Jadual 6. Contoh konkordans dari Parlimen 12 dan 13

Penanda	Konkordans
1a	isu yang melibatkan eksploitasi wanita, diskriminasi wanita , penganiayaan, penderaan kanak-kanak termasuk kepada kerosakan institusi keluarga
1b	penghapusan segala bentuk diskriminasi wanita telah dibangkitkan. Sebagai makluman

Berdasarkan contoh dalam Jadual 6, kolokasi kata nama “diskriminasi” dikaitkan dengan wanita untuk menjelaskan isu yang berkaitan dengan wanita. Walau bagaimanapun, perkataan negatif secara semantik seperti “diskriminasi” seperti yang dilihat dalam contoh 1a juga boleh membawa konotasi positif kerana ia juga bercakap tentang pembasmian diskriminasi wanita, ke arah menyelesaikan konflik. Dapat dilihat bahawa pembentangan isu-isu berkisar wanita dan desakan daripada kerajaan untuk melihat secara dekat isu tersebut serta cubaan untuk menyelesaikan perkara yang melibatkan wanita.

Jadual 7. Contoh konkordans dari Parlimen 1

Penanda	Konkordans
2a	Sa-bagaimana kita ma”alom ia-itu kaum wanita -lah yang selalu bertanggung-jawab mem-beli barang2 keperluan hari2 di-rumah dan saya merasa lega kerana chukai2 tidak di-kenakan atau di-naikkan kapada barang2 keperluan hari2


Menurut petikan dalam Jadual 7, dapat dilihat bahawa wanita dikaitkan dengan kelembutan dan tugas utama mereka adalah berkaitan dengan rumah tangga. wanita digambarkan secara positif dalam perkataan dengan prosodi neutral sebagai kaum wanita atau wanita.

Jadual 8 Konkordans Kolokasi Perkataan “wanita” mengikut Prosodi Semantik bagi Parlimen 14

Kolokasi	Konkordans	Kata kunci perkataan
	Persekutuan, kepimpinan kerajaan negeri, captains of industry, ahli-ahli akademik, badan-badan bukan kerajaan, pemimpin parti politik juga melibatkan pelbagai lapisan rakyat Malaysia daripada belia, wanita , ibu bapa dan warga emas.	Wanita sebagai pemimpin (7)
pemimpin	Mereka semua menaruh harapan kepada kementerian dan kami juga membawa harapan rakyat, suara rakyat untuk kedua-dua wanita pemimpin ini dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menuntut keadilan bagi kementerian mereka sendiri dan untuk semua lapisan masyarakat terutama sekali di kala pandemik	
	Dewan Undangan Negeri pula, terdapat seramai 176 orang calon wanita , manakala lelaki seramai 1,470 orang yang bertanding. Hanya 10.69 peratus daripada jumlah keseluruhan kerusi diberikan kepada calon wanita . Jadi masalahnya bukan kekurangan pemimpin , tetapi kekurangan kerusi yang diberikan oleh pimpinan parti masing-masing. Saya lihat bagus ada Presiden PAS juga berada di dalam Dewan ini. Mungkin parti 1	Isu kekurangan pemimpin wanita - kurang diberi peluang (3)

Berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan, data tersebut telah menunjukkan satu dapatan kajian utama iaitu Ahli Parlimen Malaysia melihat isu wanita secara positif berbanding negatif dalam tempoh 61 tahun Parlimen bersidang. Pola kolokasi bagi perkataan “wanita” di dalam Perbahasan Parlimen Malaysia turut mendedahkan bahawa wanita disifatkan secara positif dengan perkataan seperti “pencinta”, “penglibatan”, “pembangunan”, “kepimpinan” dan “ikon”.

Pengkategorian kata nama kolokasi wanita dalam Malaysian Hansard Corpus, penilaian terhadap prosodi semantik telah dijalankan. Bahagian pertama mengenai prosodi semantik mendedahkan trend prosodi semantik ke atas wanita di MHC dari 1959 – 2020. Trend ini boleh digambarkan dalam Rajah 1 Penggambaran prosodi semantik merentas masa di Parlimen Malaysia boleh dilihat dengan ketara daripada graf tersebut. Secara amnya, trend keseluruhan prosodi mengalami peningkatan secara beransur-ansur dari semasa ke semasa. Apa yang dapat dilihat dengan jelas ialah pertumbuhan fenomenal prosodi neutral berbanding prosodi positif dan negatif.



Rajah 1. Penggambaran prosodi semantik merentas masa di Parlimen Malaysia

5. Kesimpulan

Kajian ini yang bersifat empirikal memberi sokongan kepada kerja teori tentang asas pendekatan berasaskan korpus dan analisis berskala besar bagi perkataan nod dalam wacana tertentu yang dibincangkan di subseksyen berikut. Sebagai permulaan, trend perbahasan berkaitan wanita di parlimen Malaysia telah meningkat secara mendadak dari semasa ke semasa. Berikutan pagedaran topik mengenai pengkategorian, topik politik berkaitan wanita telah berubah mengikut peredaran masa di Parlimen Malaysia. Pemilihan topik berbeza dari satu parlimen ke parlimen yang lain, bergantung kepada isu global dan tempatan sama ada ia patut diberi perhatian untuk dibahaskan di parlimen. Agenda politik juga berubah-ubah mengikut masa bergantung kepada pelbagai situasi. Di United Kingdom sebagai contohnya, pendekatan atas ke bawah (*top down*) telah digunakan bagi mewujudkan fokus untuk setiap kumpulan/ kategori topik dan jawatankuasa parlimen telah menetapkan agenda tertentu berkaitan wanita serta menegaskan bahawa semua dimensi atau aspek berkenaan wanita supaya diberi pertimbangan yang sama Warren dan Pearse (2008), Farrel, Suiter dan Harris (2019) dan Fein, Goethals and Kugler (2007).

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa prosodi/sikap dibuktikan melalui bukti kontekstual tetapi tafsiran bagi sesetiap isu itu mungkin berbeza kerana terdapat faktor lain yang menyumbang kepada pemahaman sesuatu topik yang telah dinyatakan sebelum ini. Persekitaran sosial mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi secara signifikan penilaian individu terhadap jumlah maklumat yang relevan dan penting yang sangat besar menyokong pengkategorian bahasa yang samar yang menyumbang kepada perkembangan sosial (Fein, Goethals dan Kugler, 2007). Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa wanita digambarkan lebih positif di semua parlimen berdasarkan bukti kontekstual, dari kaca mata ahli parlimen Malaysia.

Kajian ini bermatlamat untuk menyiasat pola prosodi semantik bagi perkataan “wanita” dari Parlimen 1 sehingga Parlimen 14 dalam kalangan Ahli Parlimen Malaysia di dalam konteks wacana parlimen. Menerusi persoalan kajian ini, kebanyakan kolokasi kata nama yang dikaji adalah bersifat neutral. Walau bagaimanapun, terdapat prosodi semantik yang bersifat positif melebihi prosodi semantik bersifat negatif. Hal ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, Ahli Parlimen di Malaysia telah membincangkan perkara berkenaan wanita dengan konotasi yang neutral dalam konteks Perbahasan Parlimen Malaysia dari tahun 1959 hingga tahun 2021.

Selain itu, dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kolokasi yang jelas nyata bersifat negatif seperti “dadah” dan “pelacuran” tidak semestinya memberikan makna yang negatif. Sebaliknya, perkataan-perkataan tersebut boleh membawa maksud yang positif sekiranya konteks dilihat dengan lebih mendalam. Perkataan seperti “diskriminasi” sebagai contohnya, muncul secara konsisten sebagai prosodi semantik yang bersifat positif walaupun ianya merupakan satu perkataan yang mempunyai

makna negatif yang ketara. Hal ini disokong oleh Hu (2015) yang menyatakan bahawa kolokasi yang ketara sifat negatifnya boleh menandakan bahawa terdapatnya konotasi yang bersifat positif, dan prosodi semantik bagi sesuatu perkataan itu tidak dapat dikesan dengan tepat sehinggalah kolokasi-kolokasi bagi perkataan tersebut diteliti di dalam teks kajian. Secara keseluruhannya juga, dapatan kajian ini menyokong teori oleh Partington (2014) yang menyatakan bahawa prosodi semantik juga merupakan prosodi yang sifatnya boleh dinilai.

Secara keseluruhannya, pemerhatian menerusi kajian ini menunjukkan bahawa perkara ataupun isu mengenai wanita telah dibincangkan secara berkadar di parlimen sepanjang 60 tahun prosiding parlimen berlangsung. Ahli parlimen telah meneliti dan mencari penjelasan serta memanipulasi dan menangani isu berkaitan wanita secara konstruktif. Trend perbincangan juga telah cenderung kepada lebih positif di Parlimen Malaysia. Isu wanita dibincangkan dan ditangani dengan lebih serius dan menyeluruh. Namun, dapat dilihat bahawa perbincangan berkenaan wanita dapat dikembangkan lagi, setara dengan perbincangan para ahli politik berkenaan dengan isu lain, dalam membina dasar penting seperti yang berkaitan dengan pandemik Covid-19, atau perubahan iklim.

Menerusi kajian ini, analisis prosodi semantik dapat menunjukkan kepada pembaca atau pendengar pandangan tentang pendapat dan kepercayaan terhadap seseorang penutur. Analisis prosodi semantik secara umumnya dapat digunakan untuk membolehkan penyelidik mempertimbangkan isu-isu tertentu seperti perubahan penggunaan kata nod wanita (wanita) dan untuk meringkaskan sikap ahli politik dalam mengkonseptualisasikan isu mengenai wanita.

Melalui penyiasatan prosodi semantik bahasa yang digunakan dalam wacana politik berkenaan wanita, penyelidikan ini telah memperdalam pemahaman tentang cara bahasa membentuk perwakilan, persepsi dan pengalaman jantina dalam bidang politik. Penemuan ini menyumbang kepada perdebatan ilmiah tentang jantina dan politik, memaklumkan perbincangan dasar tentang menggalakkan kesaksamaan gender, dan memberikan pandangan praktikal untuk pelakon politik dan organisasi media yang ingin memupuk amalan komunikasi politik yang lebih inklusif dan saksama. Sebagai kesimpulannya, kajian ini telah menjawab persoalan kajian untuk memaparkan pola prosodi semantik berkenaan “wanita” dalam wacana Parlimen Malaysia dari Parlimen 1 sehingga Parlimen 14.

Rujukan

- Abdullah, K.; Noor, N.M.; Wok, S. (2008). The Perceptions of Women's Roles and Progress: A Study of Malay Women. *Social Indicators Research* 2008, 89, 439–455, doi:10.1007/s11205-008-9242-7.
- Abercrombie, G.; Batista-Navarro, R. (2020). ParlVote: A Corpus for Sentiment Analysis of Political Debates., 11–16, doi:10.17632/czjfwgs9tm.1.
- Badri, B. 2020. The Impact of COVID-19 on Women. <https://www.un.org/en/un-chronicle/impact-covid-19-women>
- Baker, H., Brezina, V., McEnery, T. (2017). Ireland in British parliamentary debates 1803–2005. pp. 83–107.
- Baker, P. (2006). Using Corpora in Discourse Analysis. *Continuum Discourse*
- Baker, P.; Gabrielatos, C.; Khosravini, M.; Krzyzanowski, M.; McEnery, T.; Wodak, R. A. (2008). Useful Methodological Synergy? Combining Critical Discourse Analysis and Corpus Linguistics to Examine Discourses of Refugees and Asylum Seekers in the UK Press. *Discourse and Society*, 19, 273–306, doi:10.1177/0957926508088962.

- Baker, P.; Gabrielatos, C.; McEnery, T. (2013). Sketching Muslims: A Corpus Driven Analysis of Representations around the Word “Muslim” in the British Press 1998-2009. *Applied Linguistics*, 34, 255–278, doi:10.1093/applin/ams048.
- Brezina, V.; McEnery, T.; Wattam, S. (2015). Collocations in Context. *International Journal of Corpus Linguistics*. 20, 139–173, doi:10.1075/ijcl.20.2.01bre.
- Bublitz, W. (1995). *Semantic Prosody and Cohesive Company- Somewhat Predictable*. Essen.
- Conceição, P. (2019). United Nations Development Programme Human Development Report 2019 : Beyond Income, beyond Averages, beyond Today: Inequalities in Human Development in the 21st Century; ISBN 9789211264395.
- Cotteril, J. (2001). Domestic Discord, Rocky Relationships: Semantic Prosodies in Representations of Marital Violence in the O.J. Simpson Trial. *Discourse & Society*, 12, 291–312.
- Dabbagh, A. (2016). *Gender Representation under Critical Image Analysis: The Case of Iranian ELT Textbooks Evaluation of Learning Objectives Using Bloom’s Revised Taxonomy: Comparing Vision and Four Corners View Project Gender Representation under Critical Image Analysis: The Case of Iranian ELT Textbooks*;
- Dhatt, R., Theobald, S., Buzuzi, S., Ros, B., Vong, S., Muraya, K., Molyneux, S., Hawkins, K., González-Beiras, C., Ronsin, K., et al. The Role of Women’s Leadership and Gender Equity in Leadership and Health System Strengthening. *Global Health, Epidemiology and Genomics* 2017, 2, doi:10.1017/gh.2016.22.
- Farrell, D.M.; Suiter, J.; Harris, C. (2019). “Systematizing” Constitutional Deliberation: The 2016–18 Citizens’ Assembly in Ireland. *Irish Political Studies*, 34, 113–123.
- Fasoli, F., Durante, F., Mari, S. et al. Shades of Sexualization: When Sexualization Becomes Sexual Objectification. *Sex Roles* 78, 338–351 (2018). <https://doi.org/10.1007/s11199-017-0808-1>
- Fein, S., Goethals, G.R., Kugler, M.B. (2007), Social Influence on Political Judgments: The Case of Presidential Debates.
- Haas, W. J.R. Firth. (1958). *Papers in Linguistics, 1934–1951*. Xii, 233 Pp., 11 Plates. London, Etc.: Oxford University Press, 1957. 35s. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, 21, 668–671, doi:10.1017/S0041977X00060559.
- Hajar Abdul Rahim. 2005. Impak Konotasi Budaya Terhadap Leksis: Satu Kajian Semantik Berasaskan Korpus, Ke Atas Perkataan Perempuan Dan Wanita. *Jurnal Bahasa*, 83–111.
- Hardy, D.E., Colombini, C.B. A Genre, Collocational, and Constructional Analysis of RISK. *International Journal of Corpus Linguistics* 2011, 16, 462–485, doi:10.1075/ijcl.16.4.02har.
- Hishamudin Isam, Norsimah Mat Awal. 2012. Setia (Loyal) from Semantics Prosody Perspective: A Corpus-Based Analysis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12, 359–374.
- Imran Ho Abdullah, Anis Nadiah Che Abdul Rahman, Azhar Jaludin,. 2021. The Development of the Malaysian Hansard Corpus: A Corpus of Parliamentary Debates 1959-2020. *Jurnal Linguistik*. (25)
- Hunston, S.; Francis, G. *Pattern Grammar : A Corpus-Driven Approach to the Lexical Grammar of English*.
- Jia, S.; Lansdall-Welfare, T., Sudhahar, S., Carter, C., Cristianini, N. (2016). Women Are Seen More than Heard in Online Newspapers. *PLoS ONE*, 11, doi:10.1371/journal.pone.0148434.

- Joshi, A.; Neely, B.; Emrich, C.; Griffiths, D.; George, G. Gender Research in AMJ: An Overview of Five Decades of Empirical Research and Calls to Action. *Academy of Management Journal* 2015, 58, 1459–1475.
- Kok, A. (2020). IPSOS Study Reveals Malaysians’ Top Issues Faced by Women and Misperceptions of Women Empowerment
- Louw, B. Chateau, C. (2000). Semantic Prosody for the 21 St Century: Are Prosodies Smoothed in Academic Contexts? A Contextual Prosodic Theoretical Perspective.
- McEnery, T., Hardie, A. (2012). *Corpus Linguistics: Method, Theory and Practice*; Cambridge University Press, New York.
- Michel, J.B.; Kui Shen, Y.; Presser Aiden, A.; Veres, A.; Gray, M.K.; Pickett, J.P.; Hoiberg, D.; Clancy, D.; Norvig, P.; Orwant, J.; et al. Quantitative Analysis of Culture Using Millions of Digitized Books. *Science* 2011, 331, 176–182, doi:10.1126/science.1199644.
- Morley, J. & Partington, A. (2009). A Few Frequently Asked Questions about Semantic — or Evaluative — Prosody . *International Journal of Corpus Linguistics*, 14, 139–158, doi:10.1075/ijcl.14.2.01mor.
- Ndambuki, J. & Janks, H. (2010). Political Discourses, Women’s Voices: Mismatches in Representation. 4, 73–92.
- Nor Fariza Mohd Nor, Anis Nadiah Che Abdul Rahman, , Azhar Jaluddin, Imran Ho Abdullah, Sabrina Tiun. (2019). A Corpus Driven Analysis of Representations around the Word “Ekonomi” in Malaysian Hansard Corpus. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 19, 66–95, doi:10.17576/gema-2019-1904-04.
- Norlock, K. (2014). Reclaiming Third World Feminism. *Meridians*. 12, 1–30doi:10.2979/meridians.12.1.1.
- Partington, A. (1998). *Patterns and Meanings : Using Corpora for English Language Research and Teaching*; J. Benjamins Pub. ISBN 9027222703.
- Partington, A. (2004). “Utterly Content in Each Other’s Company” Semantic Prosody and Semantic Preference
- Pearce, M. (2008). Investigating the Collocational Behaviour of Man and Woman in the BNC Using Sketch Engine . *Corpora* 2008, 3, 1–29, doi:10.3366/e174950320800004x.
- Pertubuhan Bangsa Bersatu. 2020 The Impact of COVID-19 on Women.
- Pey Jung Yeong. (2018). How Women Matter - Gender Representation in Malaysia’s 14th General Election. *The Round Table*, 107, 771–786.
- Plan International Canada. (2023). Gender-Equality-and-Inclusion. <https://plancanada.ca/reports-and-publications/gender-equality-and-inclusion>
- Ponterotto, D. (2014). Trivializing the Female Body: A Cross-Cultural Analysis of the Representation of Women in Sports Journalism (15).
- Rheault, L., Beelen, K., Cochrane, C., Hirst, G. (2016). Measuring Emotion in Parliamentary Debates with Automated Textual Analysis. *PLoS ONE*, 11, doi:10.1371/journal.pone.0168843.
- Schwab, Klaus.; Crotti, Robert.; Geiger, Thierry., Ratcheva, Vesselina. (2020). World Economic

- Forum. Global Gender Gap Report 2020 Insight Report.; World Economic Forum, 2019; ISBN 9782940631032.
- Sinclair, J. (1991). *Describing English Language - Corpus, Concordance, Collocation*; Oxford University Press: Oxford.
- Sinclair, J. (1996). The Empty Lexicon. *International Journal of Corpus Linguistics*, 1, 99–119, doi:10.1075/ijcl.1.1.07sin.
- Sinclair, J. (2003). *Reading-Concordances-An-Introduction*; Pearson Longman.
- Siti Zubaidah Mohamad Hashim & Hajar Abdul Rahim. Defying the Global: The Cultural Connotations of “Islam” in Malaysia. *Kemanusiaan*, 2016, 23, 81–98, doi:10.21315/kajh2016.23.s2.5.
- Stubbs, M. (1995). Collocations and Semantic Profiles. *Functions of Language*, 2, 23–55, doi:10.1075/fof.2.1.03stu.
- Stubbs, M. (2001). *Words And Phrases: Corpus Studies Of Lexical Semantics*.
- Tognini-Bonelli, E. (2001). *Corpus Linguistics at Work*; 6th ed.; John Benjamins Publishing Company: Amsterdam/ Philadelphia.
- Umami Nur Asyiqeen Zulkefly & Kesumawati Abu Bakar. (2017). Analisis Wacana Kritis terhadap Isu Perubahan Iklim di Malaysia. *Jurnal Linguistik*. 21(2).
- United Nations Women-in-Politics-Map-2021.
- van Dijk, T.A. (2004). *On the analysis of parliamentary debates on immigration*.
- Warren, E.M.; Pearse, H. (2008). *Designing Deliberative Democracy: The British Columbia Citizen's Assembly*. In; Cambridge University Press: Cambridge.
- Willis, R. (2017). Taming the Climate? Corpus Analysis of Politicians' Speech on Climate Change. *Environmental Politics*. 26, 212–231, doi:10.1080/09644016.2016.1274504.

Biodata Penulis

Anis Nadiyah Che Abdul Rahman, Ph.D merupakan pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Minat kajian beliau adalah dalam bidang linguistik korpus, semantik dan wacana politik.

Intan Safinaz Zainudin, Ph.D merupakan pensyarah kanan di Unit Bahasa Asing dan Terjemahan di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau merangkumi terjemahan, leksikografi, semantik dan kajian berasaskan korpus.